

mengandungi *Insect Growth Regulator* yang boleh merencatkan perkembangan tumbesaran nyamuk.

Tuan Yang DiPertua,

Merujuk kepada penyakit Zika, soalan-soalan dari YB Ahli Parlimen banyak berkisar kepada apakah langkah-langkah yang diambil oleh KKM bagi mengekang perebakan penyakit ini. Umumnya, prinsip dan strategi yang diguna pakai bagi menghadapi sesuatu ancaman penyakit yang baru dapat dibahagikan kepada tiga (3) fasa:-

1. Fasa pencegahan kemasukkan (“prevention”)
2. Fasa mengekang penularan yang meluas (“contaiment”)
3. Fasa kawalan (“mitigation”)

Dalam fasa pertama segala usaha telah dibuat bagi mengurangkan risiko kemasukan jangkitan zika ke Malaysia. Kita sedia maklum Malaysia adalah amat sensitif bagi perebakan zika kerana kita mempunyai masalah dengan densiti nyamuk *Aedes* yang tinggi berdasarkan beban penyakit denggi ketika ini. Rakyat Malaysia sentiasa diingatkan untuk mengambil langkah-langkah pencegahan jika pergi ke negara yang bermasalah zika. Kita mengadakan program khas dengan kontigen Olimpik yang merupakan risiko terbesar mengimport zika kerana bilangan rakyat Malaysia terbesar ke negara berisiko dalam satu masa. Tindakan kita berkesan di mana tidak seorang pun ahli kontigen dan rakyat Malaysia yang pergi ke Brasil dijangkiti virus ini.

Kita juga melakukan pemantauan di pintu masuk antarabangsa serta mengedarkan Nasihat Kesihatan (“Health Advisory”) kepada pelancong dan rakyat Malaysia sekiranya mempunyai gejala virus Zika. Saringan suhu thermal scanner juga dilakukan bagi memantau kemasukan pelawat yang mempunyai gejala demam. Bagi menjawab soalan wakil SibU kenapa tiada thermal scanner di Lapangan Terbang SibU, surveilan thermal scanner hanya dilakukan di pintu masuk antarabangsa sahaja. Pelawat asing tentunya masuk melalui pintu masuk antarabangsa ini sebelum ke pintu masuk domestik.

Tuan Yang Di Pertua,

Kita berjaya mengekang kemasukkan zika dari rantau utama yang bermasalah iaitu Amerika Tengah dan Selatan. Namun, apabila zika diimpot ke negara jiran kita dan kemudiannya merebak dengan cepat, risiko kemasukkan ke Malaysia amat tinggi kerana pergerakan penduduk merentasi sempadan amat tinggi. Kebimbangan kita terbukti apabila kes pertama Malaysia mempunyai kaitan dengan wabak yang sedang berlaku di negara jiran. Oleh yang demikian, kita sekarang berada di dalam fasa kedua iaitu fasa “contaiment”.

Di dalam fasa ini, setiap kes yang disyaki akan diambil tindakan serta merta termasuklah ujian pengesanan jangkitan. Tindakan kawalan melalui semburan kabus dalam lengkungan yang diperluaskan kepada 400 meter juga dilakukan serta merta tanpa menunggu keputusan makmal. Pesakit

akan diasingkan di hospital sehingga disahkan negatif dan terus diasingkan jika positif sehingga virus tersebut bebas dari dalam darah pesakit biasanya selepas seminggu. Jika disahkan positif, pengesanan kes aktif akan dilakukan di lapangan dan semua kontek dan jiran pesakit yang menunjukkan gejala zika, akan dilakukan ujian pengesanan dan diasingkan.

Tindakan agresif dalam fasa ini setakat ini menunjukkan hasil yang memberangsangkan. Dari 31 Ogos 2016 sehingga 8 Oktober 2016, hanya terdapat tujuh (7) kes Zika yang telah disahkan di seluruh negara iaitu Sabah (2 kes), Johor (2 kes), Selangor (1 kes), Sarawak (1 kes) dan Wilayah Persekutuan K.Lumpur & Putrajaya (1 kes). Kes terakhir yang dilaporkan ialah pada 28 September 2016 yang lalu. Pemantauan KKM juga mendapati untuk tempoh yang sama, sebanyak 180 kes yang mempunyai tanda-tanda Zika telah dilaporkan, namun kesemua mempunyai keputusan ujian yang negatif untuk Zika. Ternyata kes-kes zika ni negara ini masih bersifat sporadik dan tidak merebak dengan pantas seperti mana berlaku di negara jiran kita.

Dalam aspek perawatan kes, semua hospital kerajaan dan swasta telah pun bersedia dari aspek diagnosis dan perawatan kes. Aktiviti pemantauan dan pelaporan kes *microcephaly* dan *Guillain-Barre Syndrome* akibat jangkitan virus Zika di hospital telah dimulakan dan sehingga kini tiada kelainan daripada biasa yang telah ditemui.

Jawatankuasa Pakar Zika Kebangsaan (*taskforce*) juga telah dibentuk yang terdiri dari Pakar Pakar pelbagai disiplin Jawatankuasa ini telah pun mengeluarkan garis panduan untuk jangkitan Zika termasuk bagi *microcephaly*, pengurusan ibu mengandung dan *Gullain-Barre Syndrome*, pengurusan transfusi darah serta melakukan pemantauan bagi kes-kes tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Program pencegahan yang telah dijalankan oleh pihak kementerian secara bersepadu dengan tujuh (7) kementerian dan lain-lain agensi telah didapati berkesan dan menunjukkan impak yang positif melalui pengurangan kes dan kematian denggi pada tahun ini berbanding tahun 2015. Di samping itu, pencegahan dan kawalan Zika setakat ini telah menunjukkan keberkesanannya di negara ini kerana penularan jangkitan Zika sehingga kini hanya berlaku kes sporadik dan tiada berlaku kluster atau wabak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 18 OKTOBER 2016
[SELASA]
DARIPADA : Y.B DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]

SOALAN :-

Y.B Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas [TELOK KEMANG] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tindakan Kerajaan terhadap syor yang dikemukakan berkenaan kecuaiian pegawai Kementerian dan pihak-pihak pakar serta profesional yang berkenaan yang terlibat dalam pemilihan teknologi, perancangan dan pelaksanaan projek loji insinerator yang mengakibatkan loji berkaitan gagal disiapkan dan tidak beroperasi mengikut spesifikasi dan tempoh masa yang ditetapkan yang mengakibatkan pembaziran dana yang diperuntukkan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, Kerajaan telah mengambil tindakan terhadap syor yang dikemukakan berkenaan kecuaiian pegawai Kementerian dan pihak-pihak pakar yang terlibat dalam pemilihan teknologi, perancangan dan pelaksanaan projek loji insinerator sehingga mengakibatkan loji berkaitan gagal beroperasi mengikut spesifikasi dan tempoh masa yang ditetapkan.

Unit Laporan Ketua Audit Negara (LKAN), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Pasukan Petugas Khas bagi mengenalpasti pegawai-pegawai yang terlibat di atas ketidakpatuhan pelaksanaan projek insinerator. Jawatankuasa Siasatan Pasukan Petugas Khas ini adalah terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan yang dilantik daripada pelbagai Kementerian bagi memastikan siasatan dijalankan secara telus tanpa sebarang kepentingan kepada mana-mana pihak yang terlibat. Siasatan ini juga dibuat secara

menyeluruh kepada semua pegawai yang terlibat dalam projek ini dari peringkat pemilihan teknologi sehingga ke peringkat operasi.

Berdasarkan kepada syor Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) juga, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga telah menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan dari semasa ke semasa. Lanjutan daripada laporan tersebut, KPKT telah mengambil tindakan-tindakan berikut :

- i. menambahbaik *Standard Operation Procedure* (SOP) loji berdasarkan keupayaan loji sedia ada;
- ii. memantau pengoperasian dan penyelenggaraan loji setiap dua (2) minggu berdasarkan *Key Performance Indicators* (KPI) yang ditetapkan;
- iii. mengambil pendekatan kaedah bayaran operasi secara *tipping fee* berbanding kaedah bayaran secara *lump sum* dalam kontrak terdahulu; dan

- iv. KPKT akan melaksanakan perolehan tender secara tender terbuka atau tender terhad mengikut kesesuaian sesuatu kontrak operasi bagi memastikan hanya operator yang berkepakaran dan mempunyai pengalaman menguruskan loji insinerator sahaja yang dilantik.

KPKT juga telah melantik perunding yang berkepakaran untuk membantu KPKT menilai semula keupayaan teknikal bagi keempat-empat loji insinerator tersebut serta membuat kajian terperinci dari segi rekabentuk, pembinaan dan pengoperasian agar kecekapan loji insinerator dapat mencapai tahap yang optimum. Kajian tersebut telah selesai dijalankan dan KPKT sedang mengkaji langkah-langkah untuk menambahbaik infrastruktur dan pengoperasian loji-loji insinerator tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA
[BATU]**

TARIKH : 18 OKTOBER 2016 (SELASA)

SOALAN : 24

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapa sayap yang dipercayai milik MH370 yang ditemui di Tanzania tidak dibawa pulang ke Malaysia sebaliknya dihantar ke Australia. Adakah dakwaan kotak hitam MH370 menggunakan bateri yang tamat tempoh adalah benar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, serpihan yang dipercayai sebahagian *outboard flap* kanan pesawat MH370 yang ditemui di Tanzania telah dihantar ke *Australian Transportation Safety Bureau* (ATSB) bagi tujuan analisa, selaras dengan peruntukan di bawah perjanjian komprehensif *Memorandum Of Understanding On Cooperation Between The Government Of Malaysia And The Government Of Australia In Relation To MH370* serta *Supplemental Arrangement to the MoU On Cooperation Between The Government Of Malaysia And The Government Of Australia In Relation To MH370 (Search for MH370)* (“*Search Supplemental Arrangement*”) yang ditandatangani pada 28 Ogos 2014.

Untuk makluman Yang Berhormat, pasukan penyiasat mendapati bahawa hanya satu daripada dua bateri *Underwater Locator Beacon* yang dipasang pada kotak hitam *Flight Data Recorder* (FDR) pesawat MH370 telah tamat tempoh. Walau bagaimanapun, perkara ini tidak menjadi penyebab/punca kepada kemalangan udara pesawat tersebut dan tidak juga menjejaskan usaha pencarian pesawat tersebut.